

15/04/1999

Kedah turut bantu pelayar negara

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan Kedah akan menyertai penyumbang lain bagi membantu pelayar, Azhar Mansor, membiayai perbelanjaan membeli dan memasang tiang layar baru untuk meneruskan cabaran mengelilingi dunia dengan Jalur Gemilang.

Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid, berkata kerajaan negeri bersetuju membiayai secukupnya perbelanjaan yang diperlukan Azhar bagi membolehkannya meneruskan cabaran mencatat dua rekod belayar mengelilingi dunia tanpa henti secara solo.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Kedah di kediamannya di Bukit Damansara di sini, hari ini. Sebelum ini, Sanusi dirawat di Pusat Perubatan Subang Jaya akibat batuk setelah kembali dari menunaikan fardu haji. Beliau dibenarkan keluar kelmarin.

Mesyuarat itu dipercayai yang pertama diadakan di ibu negara. Biasanya, mesyuarat Exco Kedah diadakan setiap Rabu di Wisma Darul Aman, Alor Star.

Menurut Sanusi, kerajaan negeri akan mencari jalan untuk membiayai secukupnya tiang layar ganti yang diperlukan Azhar.

Tiang layar utama Jalur Gemilang dilaporkan patah tiga dalam kejadian ribut awal pagi Isnin lalu.

Berikutan itu, Azhar yang sudah mengharungi hampir setengah pelayaran mengelilingi dunia selepas 69 hari belayar, dinasihatkan mengemudikan kapal layarnya ke Kepulauan Falkland untuk mendapat bantuan.

Keadaan mencemaskan yang dihadapi Azhar di Laut Selatan itu sudah disampaikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku penaung Projek Cabaran Jalur Gemilang 1999.

Sanusi berkata, pegawai kewangan negeri akan menghubungi Penasihat teknikal dan komunikasi Cabaran Jalur Gemilang, Noel Belman, yang berpangkalan di Awana Porto Malai, Langkawi.

"Walau banyak mana kos yang diperlukan, kita akan bantu. Takkan kita nak harap dia belayar dengan kelajuan dua knot dan terapung-apung di tengah laut.

"Ini adalah tanggungjawab bersama. Saya percaya ramai rakyat Malaysia akan tampil ke depan (bagi membantu Azhar)," katanya.

(END)